

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (AMPANG.HULU LANGAT)

TARIKH: 23 OGOS 2017

MUKA SURAT: 39

## Hadapi cabaran penuh tuntutan, aspirasi rakyat

AMPANG - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) kini berhadapan dengan cabaran untuk memenuhi tuntutan dan aspirasi rakyat dan pembayar cukai setelah 25 tahun penubuhan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, selama 25 tahun MPAJ dibentuk dan telah berjaya membangunkan sebuah perbandaran serta melengkapkan kemudahan, prasarana dan infrastruktur.

"Rakyat kini semakin matang dan mengetahui hak mereka, MPAJ bukan sahaja dipertanggungjawabkan untuk mengutip cu-

kai dan membangunkan infrastruktur tetapi yang paling penting adalah bagaimana MPAJ dapat memenuhi tuntutan dan aspirasi rakyat.

"Selain perlu memenuhi tuntutan, keselamatan rakyat juga jadi keutamaan. Hasil kerjasama baik dengan Ibu Pejabat Polis Daerah Ampang menjadikan kawasan pentadbiran MPAJ sebagai kawasan yang aman, harmoni dan sejahtera untuk diduduki rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian sempena majlis perasmian Karnival MPAJ 2017, di sini, kelmarin.

Turut hadir Exco Kesihatan, Kebajikan, Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi.